



# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
USTAZ GHAZALI BIN ISA  
PENGURUS PONDOK HIDAYAH

OLEH:

SITI NOR ARIFAH BT ABO HALIM	2017275904
TENGGU ALIA EDIRA BT TN MD AZAHAN	2017275886

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604-PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2018-JAN 2019)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
USTAZ GHAZALI BIN ISA  
PENGURUS PONDOK HIDAYAH

OLEH:

SITI NOR ARIFAH BT ABO HALIM	2017275904
TENGGU ALIA EDIRA BT TN MD AZAHAN	2017275886

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 - PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEP 2018-JANUARI 2019)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kami menyiapkan kerja kursus dengan jayanya. Pertama sekali kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ustaz Ghazali bin Isa yang memegang jawatan sebagai penyelia Pondok Hidayah, Batu 30, Machang, Kelantan dan juga sebagai pendakwah kerana membantu kami menghasilkan kerja kursus ini dengan menjalankan wawancara selama dua jam. Wawancara ini adalah mengenai biodata Ustaz Ghazali dan sejarah pembangunan Pondok Hidayah.

Kami juga mengucapkan terima kasih kepada Puan Nurulannisa binti Abdullah yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta penerangan yang sempurna kepada kami dari awal lagi sejak tugas ini diberikan sehinggalah dalam proses menyiapkan tugas ini. Selain itu juga, kami mengucapkan terima kasih kepada Puan Nurulannisa binti Abdullah kerana memberi kepercayaan kepada kami dalam menjalankan sehingga jayanya.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa kami yang banyak memberi sokongan serta dorongan dan juga wang ringgit dalam menghasilkan tugas ini dengan sempurna seperti rakan-rakan yang lain. Malah, jutaan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang sama-sama bertungkus-lumus menghasilkan tugas ini dan juga bertukar-tukar idea dalam membantu menyiapkan pendokumentasian sejarah lisan.

Akhir sekali, harapan kami agar segala tugas yang kami hasilkan dapat menambahkan ilmu oengetahuan kami dan masyarakat di luar sana bagi melahirkan modal insan yang cemerlang. Selain itu juga, harapan kami agar dapat memberi anfaat kepada diri kami sendiri terutamanya serta kepada pembaca agar kita sama-sama dapat memberi manfaat kepada diri kami sendiri terutamanya serta kepada pembaca agar kita sama-sama menjadi golongan yang berpengetahuan

luas dalam menyampaikan maklumat bukan sahaja dalam proses pembelajaran malah kepada masyarakat setempat khususnya.

# ABSTRAK

## ABSTRAK

---

*Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan Imam dan Penyelia Pondok Hidayah II, Machang, Kelantan iaitu Ustaz Ghazali bin Isa. Ramai dalam kalangan masyarakat pada masa kini, terutamanya generasi yang baru dalam era ini kurang menitikberatkan tentang rumah penjagaan orang tua. Pondok Hidayah ini merupakan tempat kebajikan bagi membantu dan memberikan perlindungan kepada warga emas yang keseorangan dan berjauhan dengan ahli keluarga. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang tokoh yang menyelia Pondok Hidayah ini, projek sejarah lisan ini akan cuba mengungkap kebenaran sebenar tentang sejarah pembangunan Pondok Hidayah. Bermula dengan biodata tokoh, pendidikan dan idola beliau, kajian ini juga akan memfokuskan secara menyeluruh tentang sejarah pembangunan, hak milik tanah, orang yang memberikan cadangan sehingga terbinanya Pondok Hidayah, isu yang kebarangkalian terjadi dan juga harapan tokoh terhadap Pondok Hidayah. Impilikasi kajian ini adalah terutamanya kepada pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang untuk mengenali dan menyedari tentang kewujudan pondok Hidayah ini.*

## ABSTRAK

---

Ghazali Isa, Pondok Hidayah II, Warga Emas, Machang.

**TAJUK****MUKA  
SURAT**

Penghargaan .....	i-iii
Abstrak .....	iv-v
Isi Kandungan .....	vi-vii
Pengenalan Pondok Hidayah .....	viii-ix
Biodata Tokoh .....	x-xii
Pengenalan .....	xiii-xiv
<b>Transkrip</b>	
Sahagian 1: Latar Belakang Tokoh .....	2-3
Sahagian 2 Sejarah Pendidikan .....	4-7
Sahagian 3 Kerjaya Terkini.. .....	8-9
Sahagian 4: Maklumat Bangunan .....	10-34
Sahagian 5 Isu Bangunan .....	35-45
Sahagian 6 Harapan Tokoh .....	46-50
Rujukan .....	51
<b>Lampiran</b>	
Log Wawancara .....	53-55
Diari Kajian .....	56-57
Senarai soalan .....	58
Gambar .....	59-60
Surat Perjanjian .....	61
Indeks .....	63



# **PENGENALAN PONDOK HIDAYAH**


# PENGENALAN PONDOK HIDAYAH

Pondok Hidayah II yang beralamat di Pondok Hidayah Batu 30, Machang, Kelantan ialah tempat penempatan untuk warga emas dan ahli keluarga yang kurang berkemampuan dan warga emas yang tiada keluarga ataupun kesunyian. Pondok Hidayah II adalah cawangan kedua selepas Pondok Hidayah I yang terletak di Tanah Merah. Dengan mempunyai tanah seluas lapan belas ekar amat mencukupi untuk memuatkan sejumlah warga emas dan ahli keluarga yang tidak berkemampuan. Pondok Hidayah II mempunyai pengurus yang menjaga dan menyelia Pondok. Beliau dikenali sebagai Ustaz Ghazali bin Isa yang berumur 58 tahun. Beliau amat disegani dan dihormati oleh penduduk sekitar termasuk penduduk Pondok Hidayah. Ustaz Ghazali telah berkhidmat bermula tahun 2000 sehingga kini. Bukan itu sahaja, Ustaz Ghazali juga adalah pendakwah bebas dan menjadi Imam di Pondok Hidayah. Pelbagai aktiviti di adakan di Pondok Hidayah supaya warga emas memenuhi masa mereka dengan perkara berfaedah seperti solat berjemaah, mengaji, berkebun, bergotong-royong dan beberapa aktiviti lagi.

Pondok Hidayah juga mempunyai pengasas iaitu Ahmad Mahmud. Beliau memegang jawatan sebagai pegawai Daerah jajahan Machang. Tujuan Pondok Hidayah ini ditubuhkan pada asasnya adalah untuk memberi penempatan pada rakyat miskin khususnya untuk membasmi kemiskinan, untuk merapatkan jarak kemiskinan antara penduduk-penduduk Machang ini. Itu adalah idea Ketua Jajahan Machang pada ketika itu ialah beliau sendiri, Ahmad Mahmud. Jadi, kerana kesedarannya merasa perlu membantu orang-orang susah, maka beliau membuat penempatan di Pondok Hidayah kerana penempatan rakyat termiskin yang berasaskan secara Islama berpusat pada masjid. Pondok Hidayah I yang terletak di Tanah Merah buat masa sekarang ini tiada penyelia. Hanya Ustaz Ghazali sebagai penyelia Pondok Hidayah II.

# BIODATA TOKOH

## BIODATA TOKOH



**Gambar 1 Ustaz Ghazali bin Isa**

**Nama** : Ustaz Ghazali bin Isa

**Nama Samaran** : Ustaz Li

**Tarikh Lahir** : 03 May 1960

**Alamat** : Rumah imam Pondok Hidayah 11, batu 30, 18500  
Machang, kelantan

**No. Telefon** : 019-9927084

**Pendidikan** : Sekolah Rendah - Sekolah Kebangsaan Belukar  
Sekolah Menengah - Sekolah Menengah Kebangsaan  
Machang  
Tingkatan 6 - Pondok Sungai Durian

**Emel** : [Ghazaliisa99@gmail.com](mailto:Ghazaliisa99@gmail.com)

**Profes ion** : Pendakwah dan Penyelia Pondok Hidayah

**Status** : Berkahwin

**Bilangan  
anak** : 9 orang anak

**Umur** : 58 Tahun

**Bidang** : Pendakwah Bebas, Imam

# PENGENALAN

# Pengenalan

Kami telah mendapat tugas daripada pensyarah yang mewajibkan untuk mencari tokoh yang mempunyai banyak pengalaman tentang sesuatu perkara. Tugas ini meliputi menemubual tokoh dan transkripkan segala percakapan di dalam bentuk bertulis atau dalam erti nama lain iaitu sejarah lisan. Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana zaman nostalgia tokoh tersebut dirakamkan sewaktu wawancara berlangsung. Tokoh yang dipilih adalah mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari segi penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung terlibat dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi daripada wawancara tersebut kemudiannya disalin. Salinan ini kemudian disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Oleh itu, kami telah memilih Ustaz Ghazali bin Isa sebagai tokoh untuk tugas ini.

Ustaz Ghazali bin Isa adalah salah seorang daripada pengurus di Pondok Hidayah Batu 30, Machang, Kelantan dan juga merupakan pendakwah bebas. Beliau mempunyai pengalaman dalam menyelia Pondok ini semenjak tahun 2000 hingga kini (2018). Kesabaran dan kegigihan beliau membuat kami tertarik untuk menemu ramah beliau. Beliau telah dilantik sebagai pengurus Pondok Hidayah ini selepas kembali di tanah air kerana sebelum ini beliau melanjutkan pembelajaran di bumi Syria. Disamping menguruskan Pondok Hidayah ini, beliau juga menjadi pendakwah bebas dan juga memberikan ceramah di Pondok Hidayah itu sendiri. Bukan itu sahaja, beliau seorang yang amat disegani dimana beliau mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan ilmu Tasawwuf, Tauhid dan Usuluddin.

# TRANSKRIP



# TRANSKRIP

Berikut adalah wawancara secara lisan mengenai latar belakang dan sejarah tentang bangunan Pondok Hidayah yang merupakan rumah penjagaan orang-orang tua yang bertempat di Batu 30, Machang, Kelantan. bersama-sama kami yang berbahagia tuan Ghazali yang merupakan pengurus Pondok Hidayah. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 1 November 2018 bersamaan hari Khamis pada pukul 2:25 petang dan bertempat di Pondok Hidayah, Machang, Kelantan. Wawancara ini dikendalikan oleh saya, Tengku Alia EDira binti Tuan Md azahan dan Siti Nor Arifah Abd Halim. Dengan segala hormatnya wawancara ini dimulakan.

Petunjuk:

UG: Ustaz Ghazali  
TAE: Tengku Alia EDira  
SNA: Siti Nor Arifah

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

UG : Assalamualaikum

Terima kasih kepada Alia dan Effa kerana sudi datang ke Pondok Hidayah untuk mengadakan wawancara berkenaan penubuhan Pondok Hidayah. Pertama, dari segi latar belakang. Sebelum itu saya suka memperkenalkan diri saya, nama saya ialah Ghazali bin Isa sebagai Imam dan Penyelia Pondok Hidayah 11, Machang, Kelantan.

TAE : Apakah nama bapa Tuan?

UG : Bapa namanya Isa in Muhammad

**TAE : Tuan mempunyai berapa adik-beradik?**

UG : Saya mempunyai sembilan orang adik-beradik, empat perempuan dan lima lelaki. Saya ialah anak sulung lelaki

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## SAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

**TAE : Baiklah sekarang kita akan pergi ke Seksyen B iaitu sejarah pendidikan Tuan Ghazali. Pertama, dimanakah Tuan bersekolah rendah dulu?**

UG : Saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Belukar, tempat lahir saya.

**TAE : Pada tahun berapakah Tuan tamat sekolah rendah?**

UG : Sekolah rendah tamat tahun 1977

**TAE : Dimanakah Tuan bersekolah menengah ?**

UG : Sekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Machang

**TAE : Bila tamat sekolah?**

UG : Tamat sekolah pada tahun 1978

**TAE : Sewaku zaman bersekolah menengah dulu, Tuan pernah menyertai mana-mana kelab ataupun persatuan? Boleh kongsi sikit dengan kami?**

UG : Saya tidak banyak menyertai kegiatan kelab dan sukan. Tetapi ada lah sedikit. Pertama, persatuan Islam Kelantan, saya terlibat sebagai AJK [Ahli Jawatan Kuasa] cawangan. Selepas itu, di dalam kelab-kelab, sekolah-sekolah iaitu kelab sains dan matematik dan permainan sukan, saya berminat kepada bola lah, masuk [menyertai] kelab sukan bola

sepak.

**TAE : Adakah Tuan aktif dalam bidang kokurikulum?**

UG : Kokurikulum Alhamdulillah, semua terlibat dalam permainan dan sukan-sukan, benda itu memang digemari.

**TAE : Selepas tamat belajar, Tuan sambung belajar ke ?**

UG : Selepas tamat sekolah menengah selepas STPM, saya terus ke pondok Sungai Durian pada tahun 80-an. Saya berada di sana selama sepuluh tahun sehingga tahun 1990.

**TAE : Apakah kursus yang Tuan ambil?**

UG : Di Pondok Sungai Durian, saya belajar sistem pondok lah. Belajar Fiqah, Tauhid, Usuluddin, Tasawuff, semua hadis tafsir. Semua ada, dari segi akhlak semua ada dalam pembelajaran system Pondok lah. Secara sistem maknanya belajar kitab-kitab Turath dan kitab Jawi, kitab Arab Bahasa Arab begitulah sedikit sebanyak.

**TAE : Seperti yang Tuan Ghazali beritahu tadi, Tuan telah menyambung pengajian selama 10 tahun kan, jadi tahun berapakah Tuan bergraduasi?**

UG : Di Pondok Sungai Durian selama sepuluh tahun daripada tahun 1980 hingga 1990. Setelah itu saya sambung pelajaran ke negara Syria di

Kota Damaskus dalam bidang Bahasa Arab disana selama lapan tahun. Pada tahun 1990, saya ke sana dan saya belajar di sebuah sekolah menengah di Syria selepas itu saya sambung kepada Jamiah selama empat tahun. Alhamdulillah, pada tahun 1998, saya kembali ke Kelantan dan sekarang ini berada di Kelantan lah.

**TAE : Banyak tempat yang Tuan telah pergi, boleh ceritakan serba sedikit kepada kami kenangan manis ketika Tuan belajar?**

UG : Kenangan manis ketika belajar sepanjang saya belajar di Syria, Alhamdulillah, banyak peristiwa yang kita lalui. Terutamanya di Syria ini banyak tempat bersejarah. Para-para Nabi yang mana kita ketahui, dalam cerita Jejak Rasul pun memang ada dibuat satu filem berkenaan dengan bumi Anbia' di Syria. Jadi, di sana saya banyaklah pergi tempat-tempat yang para-para Nabi seperti makam Nabi Yahya, Nabi Zakaria, Nabi Ayub, Nabi Syuib, dan Nabi Zulkifli dan beberapa lagi ulamak-ulamak termasyhur yang kita bersama-sama mengikuti program-program dan kelas-kelas yang mereka adakan lah di sana. Dari segi layanan masyarakat di Syria pada pelajar-pelajar Malaysia, alhamdulillah, sangat baik sekali dan bukan sekadar layanan, sumbangan-sumbangan pula, mereka lebih suka membantu para pelajar agama.

**TAE : Apakah yang mendorong Tuan untuk menyambung pengajian?**

UG : Yang mendorong saya menyambung pengajian ke Syria itu salah satunya, pertamanya, kita nak mendalami Bahasa Arab, kalau kita tidak ke negara Arab, maka sudah tentu kita tidak akan luas pengalamannya, tempat sejarah para Nabi, sejarah Islam. Itu perlu kita tahu lah. Sebab pengalaman itu boleh kita bawa semasa kita untuk menyampaikan

penerangan, kita boleh beritahu kepada masyarakat dan negara-negara Islam kita dan juga perkembangan-perkembangan awal Islam di Tanah Arab kita.

**TAE : Bolehkah Tuan ceritakan serba sedikit tentang rahsia kejayaan Tuan?**

UG : Rahsia kejayaan saya ialah sabar. Sabar dalam belajar insya'Allah boleh berjaya. Masalah lain itu kita cuba ketepikan. Yang pentingnya kesabaran dalam belajar sebab semasa saya berada di Syria, waktu itu umur saya dalam tiga puluh tahun, pada tahun 1990, dan saya lahir pada tahun 1960, maksudnya tahun tiga puluh saya pergi ke Syria kerana hendak menjejak langkah ke tanah bumi Anbia' dan juga ingin merasa Jamiah Universiti Tanah Arab.

**TAE : Untuk masa sekarang, adakah Tuan berniat untuk menyambung pengajian Tuan selepas ini ?**

UG : Sekarang ini, tiada peluang lah kerana masalah tanggungan kemudian umur kita pun uuga] sudah lanjut, sekarang ini sudah lima puluh sembilan tahun. Masa untuk menjaga anak-anak itulah lebih penting kerana anak-anak saya masih bersekolah. Sembilan orang bersekolah. Lima di Universiti dan empat masih sekolah, dua sekolah menengah dan dua sekolah rendah. Jadi perlu kepada penumpuan anak-anak lah untuk memberi ilmu kepada anak-anak.

**TAMAT SAHAGIAN 2**

### **SAHAGIAN 3: KERJAYA TERKINI**

**TAE : Siapakah idola ataupun tokoh yang Tuan minati?**

UG : Tokoh ataupun idola yang saya minati ialah Allahyarham Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz yang merupakan Mantan Menteri Besar Kelantan.

**TAE : Mengapakah Tuan menjadikan tokoh tersebut sebagai idola Tuan ?**

UG : Satu daripada sebab saya suka kepada beliau itu adalah kerananya segi kesabaran, warak dan beliau ini ialah orang yang tetap terhadap perjuangan.

**TAE : Adakah Tuan berasa seronok di tempat kerja Tuan sekarang?**

UG : Alhamdulillah, saya rasa lebih tenang dan seronok berada di sini kerana kita tidak ada perasaan - tidak ada tekanan dan saya berada di sini pon bekerja sebagai sukarela, sebagai Imam dan menjaga warga tua jadi kita tidak menerima apa-apa gaji dari mana-mana pihak. Jadi, tidak ada tekanan, tidak ada paksaan dari mana-mana pihak. Jadi, kita kea itu kerana lillahi Ta'ala. Jadi itulah berasa lebih selesa lebih tenang kita berada atas dasar -- maknanya bebas daripada tekanan.

**TAE : Berapa lamakah Tuan berkhidmat secara sukarelawan?**

UG : Saya mula berkhidmat di Pondok Hidayah ini bermula pada tahun, awal 2000. Bermakna sudah hampir lapan belas tahun.

**TAE : Adakah Tuan mempunyai kerja lain selain dari jawatan terkini?**

UG : Selain daripada jawatan sebagai Imam, saya bekerja sebagai -- berniaga lah sedikit secara kecil-kecilan. Iaitu satunya, kedai runcit dan ada menghasilkan produk iaitu produk cili sos dan pencicah. Selain daripada itu, *business* [perniagaan] ayam proses.

**TAE : Bagaimanakah Tuan boleh terlibat dengan pengurusan Pondok Hidayah ini?**

UG : Saya terlibat dengan pengurusan Pondok Hidayah ini setelah saya kembali daripada belajar. Jadi pihak pengasas Pondok Hidayah ini telah beritahu saya supaya membantu kerana pada masa itu tiada tenaga untuk menyelia dan menguruskan.

**TAMAT BAHAGIAN 3**



#### SAHAGIAN 4 : MAKLUMAT BANGUNAN

**SNA : Baiklah sekarang kita akan pergi kepada Seksyen D iaitu maklumat bangunan. Sekarang nak bertanya tentang sejarah penubuhan Pondok Al-Hidayah. Pada tahun ke berapakah Pondok Hidayah ini ditubuhkan?**

UG : Pondok Hidayah ini ditubuhkan pada -- melaksanakan projek ini pada awal tahun 1998 iaitu sembilan Februari. Sembilan Februari 1998.

**SNA : Siapakah pengasas Pondok Al-Hidayah?**

UG : Pengasas Pondok Hidayah ialah Ketua Jajahan Machang pada ketika itu iaitu Ahmad Mahmud.

**SNA : Pada asalnya, apakah tujuan Pondok Al-Hidayah ini ditubuhkan?**

UG : Tujuan Pondok Hidayah ini ditubuhkan pada asasnya adalah untuk memberi penempatan pada rakyat miskin khususnya untuk membasmi kemiskinan, untuk merapatkan jarak kemiskinan antara penduduk-penduduk Machang ini. Itu adalah idea Ketua Jajahan Machang pada ketika itu ialah Ahmad Mahmud. Jadi, kerana kesedarannya merasa perlu membantu orang-orang susah, maka dia membuat penempatan di Pondok Hidayah kerana penempatan rakyat termiskin yang berasaskan secara Islam berpusat pada masjid.

**SNA : Jadi sebelum ini untuk penduduk-penduduk miskin, tetapi sekarang ditukar kepada warga tua?**

UG : Iya, di Pondok Hidayah ini ada dua orang. Satunya untuk penduduk-penduduk kelamin [pasangan], yang kedua ada untuk khusus untuk warga emas. Jadi ada dua.

**SNA : Sebelum kawasan Pondok AI-Hidayah ini ditubuhkan, tanah ini merupakan milik siapa?**

UG : Tanah ini dimiliki oleh kerajaan. Tanah milik kerajaan.

**SNA : Jadi, sebelum kawasan Pondok ini dibangunkan, kawasan ini merupakan tanah lapang ataupun ada bangunan-bangunan lain yang dibina atas tanah?**

UG : Sebelum pada ini kawasan ini kawasan tanah rumput, kawasan yang digazet kan sebagai kawasan tanah haiwan. Sebab tempat pemeliharaan lembu kerbau. Jadi, sebahagian besar daripada kawasan ini adalah untuk pemeliharaan haiwan. Tiada bangunan-bangunan.

**SNA : Jadi kawasan pemeliharaan haiwan, adakah daripada penduduk-penduduk kampung sekitar ataupun pemilik tanah ini sendiri?**

UG : Haiwan itu daripada penduduk kampung sekitar lah. Jadi, kerajaan khususkan tempat untuk haiwan yang mana ada binatang-binatang itu datang ke sini untuk mereka memelihara di sini sebagai padang rumput.

**SNA : Berkait dengan Pondok AI-Hidayah sendiri, kalau ada sebarang kerosakan, contohnya kebocoran paip dan kerosakan atap, siapakah yang akan menguruskan hal yang berkaitan kerosakan tersebut?**

UG : Yang menguruskan segala kerosakan seperti kebocoran paip dan atap itu, bagi pihak penyelia Pondok lah yang akan mengambil tahu dan segera perkara itu, kosnya agak besar, maka kita akan laporkan kepada pihak yang berkenaan iaitu pihak Jabatan Tanah untuk membaik pulihkanlah. Maka, saya *handle* [menguruskan] untuk sempumakan masalah-masalah.

**SNA : Adakah itu bermaksud Ustaz sendiri yang akan membaiki ataupun Ustaz mengupah orang lain untuk membaiki?**

UG : Yang itu saya akan cuba berbincang dengan sukarelawan yang ada di sini dan sepatotnya ada pembantu yang boleh membaiki, kita akan mengupah atau secara bergotong-royong.

**SNA : Jadi di Pondok Hidayah ini ada sukarelawan. Sukarelawan itu terdiri daripada siapa? Adakah penduduk kampung ataupun anak-anak muda daripada sekitar Machang?**

UG : Di Pondok Hidayah ini kita ada sepuluh orang sukarelawan. Untuk menguruskan dan membantu penyelia pondok. Sebagai membantu Imam, iaitu saya lah. Sepuluh sukarelawan iaitu empat lelaki dan enam perempuan yang mana mereka ini ialah sentiasa kita berbincang apa-apa masalah yang perlu terutamanya masalah orang tua sakit ataupun perlu ke klinik, maka saya minta bantuan daripada sukarelawan untuk mereka menguruskan kerja ini dan kita beri mengikut berapa setiap orang itu, katakanlah dalam lima belas orang untuk menjaga warga emas kita.

**SNA : Pondok Hidayah ini, selain dari kawasan Machang, masih adakah cawangan-cawangan lain di luar kawasan Machang?**

UG : Pondok Hidayah ini dah seperti Pondok yang kedua. Ada lagi satu iaitu Tanah Merah. Pondok Hidayah I Ini juga diasaskan oleh orang yang sama iaitu Ahmad Mahmud. Pada waktu itu dia sebagai Timbalan Pegawai Daerah di Tanah Merah. Idea ini daripada dia lah. Maka tertubuhnya Pondok Hidayah I di Tanah Merah dan apabila datang ke Machang sebagai NGO di machang, dia cuba membawa idea dia itu untuk membuat satu lagi Pondok yang dinamakan Pondok Hidayah 11, Batu 30 ini. Yang kita tengok sekarang ini, wujudnya di kawasan perkampungan di sini lah. Alhamdulillah.

**SNA : Di Pondok Hidayah ini, terdapat warga emas lelaki dan warga emas perempuan, adakah tempat tinggal mereka diasingkan ataupun berdekatan?**

UG : Warga emas khusus bagi warga emas perempuan sahaja. Cuma lelaki itu ada bahagian pondok kelamin. Yang lelaki cuma yang ada isteri lah. Ada dua kategori disini satu pondok kelamin dan satu penempatan warga emas.

**SNA : Jadi warga emas itu adalah perempuan sahaja?**

UG : Iya, betul

**SNA : Jadi, tempat tinggal pasangan sekelamin dan tempat tinggal warga**

### **emas berasingan?**

**UG** : Iya, betul berasingan. Untuk kelamin kita bagi pondok nya sebuah-sebuah, sebiji-sebiji yang warga emas perempuan ini pondok panjang, rumah panjang asrama ada tiga blok dan setiap bilik asrama ini, kita letakkan seramai dua orang. Dan sekarang ini kita ada tiga puluh lima bilik dan Alhamdulillah kapasiti sudah boleh dikatakan penuh lah. Kita sudah ada tujuh puluh orang warga emas perempuan di sini. Alhamdulillah.

**SNA** : **Adakah Pondok Hidayah ini ada penaung selain daripada pengasas?**

**UG** : Iya, ada penaung. Tahun ini ialah Ketua Jajahan Machang sebagai penaung.

**SNA** : **Tadi saya sudah bertanya bila pondok Hidayah ini ditubuhkan, soalan ulangan mungkin, siapakah yang merasmikan Pondok Hidayah ini?**

**UG** : Yang merasmikan Pondok Hidayah ini ialah, pada masa itu Sultanah Kelantan iaitu Tuanku Zainab pada akhir 1998. Pondok ini dimulakan pada awal 1998. Lebih kurang setahun maka dibuat perasmian Sultanah Kelantan.

**SNA** : **Waktu perasmian itu, adakah ramai orang yang datang?**

**UG** : Memang ramai lah masa keberangkatan Sultan, jadi majlis itu ialah majlis

secara rasmi. Semua jabatan-jabatan, ketua kampung bersama dalam majlis itu.

**SNA : Ustaz ada bersama pada waktu itu?**

UG : Tiada. Saya masih belum pulang ke Kelantan pada waktu itu.

**SNA : Sebelum Ustaz ambil alih Pondok Hidayah ini, siapakah yang menguruskan Pondok ini?**

UG : Sebelum ini ada dua Imam. Imam I, Imam II. Saya adalah Imam yang ketiga. Sebab Pondok ini dibuka awal tahun 1998. Jadi tahun 1999. Saya berada di sini tahun 2000. Bermakna sebelum saya, dua orang yang menguruskan. Tapi tidak kekal.

**SNA : Selepas mereka berdua berhenti, Ustaz yang mengambil alih hingga sekarang. Mengapa Pondok Hidayah ini dibina, ada yang rumah panjang, ada yang rumah batu. Kenapa tidak dijadikan satu bangunan yang ada bilik-bilik terus?**

UG : Pondok Hidayah dibina pada peringkat awalnya semua bangunan-bangunan kayu. Yang kita nampak batu ni adalah setelah dibaiki oleh tuan punya pondok sendiri di peringkat awalnya semua rumah adalah kayu. Jadi yang rumah kayu sebiji-sebiji memang dikhas kan untuk keluarga dan rumah asrama yang panjang dikhususkan untuk warga emas kerana warga emas ini, dia lebih suka kita letakkan secara rumah panjang kerana dia boleh berhubung diantara satu sama lain. Dari segi perhubungan mereka, pergi mari bilik ke bilik. Itu lebih baik daripada

letak sebuah pondok. Begitulah menurut pandangan saya.

**SNA : Pondok Hidayah dan rumah untuk pasangan ini di tambah baik dari masa ke semasa bukan dilakukan secara serentak?**

UG : Jadi memanglah ditambah baikkkan dari masa ke semasa sebab bangunan pun sudah tiga puluh tahu. Jadi baru-baru ini memang sudah dibaik pulihlah. Daripada kayu diganti dengan batu. Itu memang terbaru lah.

**SNA : Tetapi jikalau untuk rumah panjang untuk warga emas ini memang dari dulu rumah kayu?**

UG : Iya itu memang bangunan asal daripada dulu.

**SNA : Ustaz ada cadangankah untuk mengubah rumah kayu kepada rumah batu? Ataupun ia sudah dalam perancangan?**

UG : Memang kita ada perancangan, memang projek itu dari dulu, sebanyak dua ratus puluh lima ribu untuk kita bina satu asrama yang kapasiti biliknya sepuluh bilik insya allah di depan masjid itu. Di tempat kosong. Situ [Disitu] dikenal pastikan pada tapak asrama yang kita akan bina. Sebagai untuk memberi naik taraf sebgai bangunan batu, insya allah.

**SNA : Jika bangunan itu siap, adakah rumah panjang ini akan dirobohkan ataupun masih kekal ada?**

UG : Bangunan itu masih akan kekal, hanya baik pulih. Kita baiki apa yang sepatotnya sebab permintaan warga emas pun bertambah. Kita perlu tambah pada penempatan-penempatan dan bangunan-bangunan yang perlu. Sekadar harini, bangunan yang kita rancang kerana masalah kewangan.

**SNA : Tadi Ustaz ada sebut rumah panjang ada tiga unit, setiap unit adakah diberikan nama khas?**

UG : Ianya diberi nama Asrama I, Asrama II, dan Asrama III.

**SNA : Setakat ini berapakah penghuni Penududuk Pondok Hidayah?**

UG : Setakat ini penghuni, campur dengan warga kelamin dan warga emas, lebih kurang dalam lima ratus orang.

**SNA : Adakah itu termasuk anak-anak?**

UG : Iya, termasuk anak-anak sekalilah, dikira semua. Penduduk lah

**SNA : Untuk setiap Pondok penghuni-penghuni Pondok Hidayah, adakah diberikan kelengkapan yang cukup? Contohnya tandas, katil, dapur?**

UG : Kelengkapan itu sekadar yang asas sahajalah, seperti bilik dan tandas. Katil dan barang dapur itu masing-masing beli sendiri.



**SNA : Tadi Ustaz ada sebut tentang sukarelawan. Itu sukarelawan. Jikalau untuk pekerja tetap di Pondok Hidayah ini ada berapa orang?**

UG : Kita ada yang dilantik daripada Pejabat Tanah seramai satu orang sebagai tukang kebun untuk jaga kebersihan di kawasan dewan yang kita tengok ada dewan sebiji di depan itu. Ada satu orang untuk menjaga kebersihan dewan itu lah. Masalah masjid ini kita buat secara bergotong royong.

**SNA : Setiap pekerja di kawasan Pondok Hidayah ada tugas-tugas khas masing-masing termasuk sukarelawan?**

UG : Iya, betul. Ada tugas masing-masinglah.

**SNA : Setakat ini adakah pekerja-pekerja di Pondok Hidayah sentiasa berubah ataupun masih lagi menggunakan pekerja yang sama daripada dulu?**

UG : Setakat ini, sejak kita lantik daripada awal, tidak ada perubahanlah. Mereka masih lagi kekal di sini. Jadi tidak ada.

**SNA : Untuk warga emas, kita fokus pada warga emas. Kalau mereka sakit ataupun cedera, siapakah yang bertanggungjawab untuk membawa mereka ke hospital?**

UG : Warga emas ini, kita bagi lah sukarelawan kita itu yang sepuluh orang itu untuk menjaga lima belas orang warga emas atau sepuluh orang. Mana-

mana warga emas yang sakit, kita panggil penjaga-penjaga itu untuk membantu warga emas itu, ataupun membawa ke hospital ataupun menghubungi anak-anak supaya ambil lah. Jadi kita terima di sini hanya warga emas yang boleh mengurus diri sendiri. Jika dia sakit kita sekadar menghantar ke hospital dan panggil keluarga dia datang ambil dia. Kita tidak sanggup menjaganya kerana kita tidak ada peluang, tidak ada tenaga untuk membantu. Jadi, kita terima warga emas yang hanya boleh mengurus diri sendiri.

**SNA : Berkaitan tanah, berapakah dianggarkan keluasan tanah Pondok Hidayah?**

UG : Tanah adalah lebih kurang lapan belas ekar.

**SNA : Tadi Ustaz ada sebut tentang Pondok Hidayah ada dua cawangan, cawangan yang mana satu mempunyai Ibu Pejabat. Maksudnya jika ada masalah apa-apa, kita akan berhubung terus dengan mereka?**

UG : Jadi Pondok Hidayah ini yang aktifnya ialah Pondok Hidayah II, yang Pondok Hidayah I tu, tidak ada pengurusan yang.. hanya ada penghuni sahaja, tidak ada orang yang memimpin. Tidak seperti di Pondok Hidayah II lah. Sebab saya yang berada disini, jadi saya yang uruskan segala masalah-masalah disini. Di Pondok Hidayah I seolah olah sistem yang lain, diberi lot tanah. Beri untuk hak milik masing-masing. Seperti tidak ada cawangan dahlah. Bagi Pondok Hidayah II setakat ini tidak ada lagi cadangan untuk di hak milikkan kerana ia masih lagi dibawah pengurusan Pejabat Tanah Daerah Machang dan tidak ada masalah lah, di sini juga saya masih berada di sini boleh menguruskan masalah-masalah yang saya boleh urus dan masalah-masalah besar saya

serahkan kepada pihak penayang iaitu AJK induk.

**SNA : Apakah objektif Pondok Hidayah?**

UG : Objektif Pondok Hidayah, di antaranya ialah untuk membasmikan rakyat miskin dan membuat penyusunan penempatan secara berpusat pada masjid. Ingin beri pendedahan kepada masyarakat yang miskin ini terutama dari segi pengisian-pengisian ilmu agama dan nak membantu dari segi ekonomi adalah untuk menjana ekonomi mereka, dapat penambahan dalam hidup mereka secara lebih selesa.

**SNA : Adakah objektif Pondok Hidayah ini tercapai ?**

UG : Alhamdulillah, sekarang boleh dikatakan dalam enam puluh peratus kita sudah tercapai terutama dari segi bilangan Jemaah di masjid. Kehadiran di masjid, dan kita tengok masyarakat-masyarakat yang berada di sini pan sebelum daripada ini, semasa kedatangan kerana pada peringkat awalnya, langsung tidak ada motosikal, hanya berjalan kaki. Tetapi Alhamdulillah sekarang ini boleh membaiki rumah-rumah sendiri dan ada yang ada motor dan ada kereta. Dari segi ekonomi juga Alhamdulillah, Allah Ta'ala berikan kesempurnaan lah jadi pertambahan dari segi ekonomi.

**SNA : Apakah Misi dan Visi penubuhan Pondok Hidayah?**

UG : Visi Pondok Hidayah ini ialah dari segi asasnya ialah membasmi kemiskinan mengikut perspektif Islam melalui pengetahuan agama dan juga melalui pendedahan kepada masyarakat-masyarakat tentang

pergaulan dalam masyarakat. Dari segi misinya, pertamanya, mengubah sikap negatif peserta kita yang tidak pernah ada pergaulan dengan orang awam, dengan pegawai kerajaan ataupun yang jahil, yang tidak mengerti agama. Jadi, kita beri pendedahan kepada agama misalnya di masjid, supaya mereka ini dapat mengubah daripada sikap negatif mereka kepada positif. Dengan kita, pengisian-pengisian yang berbentuk agama. Keduanya dari segi misinya ialah mendedahkan kepada masyarakat Pondok Hidayah tentang segi akademik, kursus-kursus kerajaan, jadi dulu pernah kita buat di sini, maknanya pernah suatu ketika dulu daripada Persatuan Komanwell datang ke sini untuk membuat program bersama masyarakat di sini dan juga banyak daripadanya program kita lakukan di antaranya program bersama pelajar-pelajar, bekas pelajar Mesir pernah berada di sini selama tiga hari tiga malam bersama-sama masyarakat di sini dan juga hingga kini pun ada sekolah-sekolah masa cuti buat program di sini untuk Program Bersama Ibu-ibu Angkat di Pondok Hidayah ini. Jadi beri pendedahan kepada masyarakat pondok ini dari segi hubungan dengan masyarakat-masyarakat luar. Yang ketiganya, memberi peluang untuk tunjuk ajar kepada mereka dan juga bantuan dan menjana oendaoatan ekonomi. Itu antara misi kita lah.

**SNA : Tadi Ustaz ada menyebut bahwa Persatuan Sukan Komanwell ada membuat program di sini, adakah program yang dianjurkan bersama warga emas dan termasuk warga kelamin?**

**UG :** Iya, semua sekali peserta yang terlibat dalam program itu untuk bersama-sama dengan warga emas dan peserta kelamin.

**SNA : Adakah Ustaz masih ingat jenis program apa yang mereka**

**anjurkan?**

**UG** : Biasanya jika ada program-program, kita anjurkan seperti ceramah-ceramah motivasi, selepas itu aktiviti sukaneka untuk mengeratkan hubungan di antara masyarakat lah.

**SNA** : **Ceramah motivasi itu adalah peserta daripada luar dan juga warga Pondok Hidayah terlibat sekali untuk mengeratkan silaturrahim?**

**UG** : Iya, betul. Terlibat semua sekali.

**SNA** : **Adakah ceramah motivasi itu mereka menjemput penceramah daripada luar ataupun Ustaz sendiri yang akan memberikan ceramah itu?**

**UG** : Ceramah itu kadang-kadang kalau program yang rasmi, kita jemput daripada orang luar lah. Untuk meriahkan lagi keadaan itu, kita jemput daripada orang luar. Saya sebagai untuk hari yang biasa ini, untuk pengisian biasa ini, saya lakukan sendiri sahaja. Tetapi jikalau majlis-majlis rasmi yang kita lakukan, kita jemput daripada penceramah dari luar untuk memberikan pengisian di sini.

**SNA** : **Pelajar daripada Mesir juga datang ke sini, Ustaz?**

**UG** : Iya, pernah. Maksudnya mereka menginap selama tiga hari tiga malam mengadakan program di sini sebagai program anak angkat.

**SNA : Adakah pelajar Mesir itu menginap di sini atau di luar?**

UG : Iya, di sini.

**SNA : Seterusnya, sepanjang Pondok Hidayah ini beroperasi, adakah Pondok Hidayah ini menerima sebarang sumbangan atau bantuan daripada pihak luar?**

UG : Iya, betul. Kami pernah menerima sumbangan dan bantuan. Antara sumbangannya adalah daripada segi sumbangan kewangan, iaitu melalui daripada tabung Pondok Hidayah melalui Ketua Jajahan dan dikawal selia olehnya. Dan juga makanan-makanan dan benda-benda bahan mentah seperti beras, gula. Itu kita pernah dapat sumbangan dari orang ramai. Itu sahajalah.

**SNA : Bagaimanakah orang daripada luar ingin memberikan sumbangan kepada Pondok Hidayah? Ada saluran kah untuk memberi sumbangan?**

UG : Saluran untuk memberikan sumbangan ini, di antara salurannya, pertama, jika melalui kewangan, kita galakkan supaya tabung Pondok Hidayah di kawal selia oleh ketua jajahan. Dan sekiranya makanan-makanan dan bahan mentah kita *direct* [secara langsung] ke Pondok di sana lah.

**SNA : Maksudnya sekiranya ada yang ingin memberi sumbangan dalam bentuk wang itu, mereka akan ke pejabat tanah untuk disalurkan**

**kepada semua. Adakah wang tersebut akan diserahkan terus oleh ketua jajahan ataupun Ustaz akan ke sana untuk mengambil?**

UG : Mereka akan berikan kepada pihak kami di sini berapa yang sepatut sebulan dari segi kos, apa yang perlu disini

SNA : **Jadi sumbangan setakat ini dari segi kewangan dan makanan sahaja? Dari segi pakaian dan lain-lain tak [tidak] pernah lagi lah?**

UG : Pakaian ada. Pakaian yang terpakai lah, banyak. Untuk bagi [memberi] kepada warga emas dan anak-anak di pondok sini. Biasa ada, selalulah [acapkali]. Masyarakat sekitar sini, Machang, dari Kota Bharu pon Uuga], ada beri barang-barang yang terpakai.

SNA : **Alhamdulillah, untuk penghuni Pondok Hidayah, adakah untuk menetap di sini mereka perlu membayar sebarang wang atau mereka tinggal di sini secara percuma?**

UG : Peserta Pondok Hidayah ini, khususnya untuk warga emas, kita menerima apa-apa bayaran bahkan kita bagi percuma makan dan minum percuma. Makan dan minum percuma dan juga dapat sumbangan dari NGO untuk seliakan makan minum. Cuma ada sedikit yang kita amik [ambil] daripada warga emas sebagai pembayaran api air lah. Sekadar RM20 sebulan sebagai api air yang mereka guna. Maka itulah sekarang yang kita amik [ambil]. Bahkan kita beri makan dan minum kepada mereka tiga kali sehari, pagi, tengah hari dan petang. Untuk warga emas la tapi keluarga kita tidak beri apa-apalah cuma diaorang [mereka] sendiri mencari rezeki dan bekerja sendiri dan bantu keluarga sendiri. Tidak ada beri apa-apa sumbangan cuma kalaulah ada sumbangan daripada orang

luar bagi beras ataupun satu ketika terlebih banyak di sini, kita bagi [beri] kepada warga-warga kelamin. Itu biasalah sumbangan-sumbangan beras daripada orang ramai. Apa yang diaorang [mereka] bagi [beri], kita bagi sumbangan itu kepada warga-warga lah. Dari segi makan minum tu diaorang [mereka] amik [ambil] sendiri.

**SNA : Dari segi sumbangan yang merupakan makanan itu diagihkan sama rata**

**UG :** Iya, sama rata. Sekiranya barang-barang itu mencukupilah

**SNA : Untuk warga-warga emas menetap di sini, adakah pihak pengurusan dah menetapkan tempoh masa untuk diaorang tinggal disini selama mana pun yang mereka mahu?**

**UG :** Dari segi tempoh masa tinggal di sini tidak ada had dan tempoh masa lah. Mengikut kehendak selama mana dia nak tinggal, sehingga dia mati pon takpe, selagi dia tidak membuat masalah atau melanggar undang-undang yang ditetapkan oleh pihak pengurus pondok ini.

**SNA : Contoh Ustaz, kalau berlaku kematian, adakah pihak pengurusan Pondok Hidayah yang akan uruskan ataupun akan diminta keluarga si pematil untuk menguruskan?**

**UG :** Jadi tengok keadaannya, kalaulah keluarga tu [itu] mahu uruskan sendiri, dia bawak balik kampung dia tapi ada yang berlakunya, dia [mereka] serah kepada kita disini untuk uruskan seperti yang berlaku yang keluarga ni, memanglah diuruskan kita disini. Sebab kita disini ada --



kita ada persatuan khairat kematian. Kita ada satu unit khas untuk - apabila berlaku kes kematian, maka saya akan bagitahu [beritahu] pada ahli jawatankuasa kita hok [yang] aghini [hari ini] ada kes kematian, maka secara automatik, ttugas yang kita dah atur tu mreka akan laksanakan dengan cara-cara masing-masing dengan kemudahan-kemudahan yang diatitkan. Contohnya, bagi pihak AJK [Ahli jawatan Kuasa] kubur dia akan pergi menguruskan, selesaikan kubur dan bahagian mandi, dan kita ada juga AJK bahagian untuk memandikan jenazah dan kita latih. Kita duk [berada] sini ada kursus. Dikalangan kita ada orang yang mandikan jenazah sama ada perempuan atau lelaki. Jadi semua itu kita sudah aturkan. Misalnya berlaku kes kematian dan kalaulah waris tu suka untuk kita uruskan di sini, kita urus. Kalau dia nak [ingin] bawak [bawa] balik [pulang], dia ambik [ambit] bawak [bawa] baliklah. Untuk tidak menguruskan disini tidak ada masalah kerana kita sudah aturkan kerja masing-masing seperti bahagian kubur, bahagian mandi, bahagian mengajar orang smayang [sembahyang], bahagian persegaran pon Ouga] kita sediakan. Jadi jika matinya seorang ahli peserta kita. Di badan khairat kita, kita bagi [beri] RM1000 sorang [seorang]. Lepastu [Selepas itu] kita janji kita akan buat tahlil sepanjang tiga malam, untuk seketika sahaja. Sistem khairat kita, kita cuba laksanakan, untuk kita memudahkan urusan bila berlakunya satu kes kematian

**SNA : Tadi Ustaz ada sebut yang selagi warga emas disini tidak melanggar undang-undang yang ditetapkan. Boleh tak [kah] Ustaz terangkan apa undang-undang yang telah ditetapkan di Pondok Hidayah?**

**UG : Undang-undang yang ditetapkan ialah bila keadaan tidak melanggar - tidak berlaku perkara yang tidak diingini, berkelahi ke, jenayah ke. Maka benda ni kita akan mintak [minta] dia keluar daripada sini lah. Sebelum**

kita ambik [ambil] tindakan, kita bincang dengan dia

**SNA : Tadi Ustaz ada sebut kalau ada keluarga si mati meminta pihak pengurusan disini untuk menguruskan jenazah. Ustaz akan uruskan, lepastu [ selepas itu] adakah mereka akan dikebumikan di sini atau dihantar pulang?**

**UG : Biasanya keluarga yang ambik [ambil] pulanglah. Dia mari [datang] ambik [ambil] untuk uruskan di kampung masing-masing**

**SNA : Ok Ustaz, soalan seterusnya. Adakah orang-orang di luar sana mengetahui bahawa adanya Pondok Hidayah di kawasan Machang ini?**

**UG : Memang ada setengah daripadanya tahu tapi tidak semualah. Sebagai pesanan masyarakat, Pondok Hidayah ini sudah wujud di sini dari dulu sebab sudah hampir 20 tahun. Jadi masyarakat disini sudah tahu bahawasanya adanya Pondok Hidayah kat sini khususnya rumah orang tua**

**SNA : Purata warga emas yang menetap di sini?**

**UG : Warga emas, purata warga emas disini lebih kurang dalam 370. Bermula antara 60 tahun. Paling tua adalah 85 tahun. 60 hingga 85 tahun lah.**

**SNA Jadi yang berusia 85 tahun tu masih lagi mampu untuk menguruskan diri?**

UG Alhamdulillah, masih boleh

SNA **Untuk tinggal disini Ustaz, selain daripada keluarga hantar atau diaorang sendiri untuk hidup disini, ada tak syarat-syarat lain untuk diaorang duduk kat sini?**

UG Syarat-syarat lain untuk duduk disini tu kita bergantung pada, satunya kita pada penempatan lah. Kalau ada kosong dan keduanya dia tu berminat untuk belajar agama. Kita nak pada orang yang berminat agama dan untuk membekki [membaiki] diri dia sendiri. Jadi kalau [sekiranya] dia maghi [datang] nok [ingin] wak [lakukan] masalah [masalah], peranga [perangai] dia. Kita tak berapa sukalah. Kalau mereka sudi tuk [untuk] ubah, kita sudi menerima sekiranya ada tempat kosonglah.

SNA **Ustaz, soalan seterusnya. Sejak daripada kami masuk disini, kami Nampak ada banyak lorong-lorong ke rumah. Adakah setiap lorong ini ada nama jalan sendiri ataupun sekadar lorong je?**

UG Sekarang ini sekadar lorong sahaja. Cuma ada nama khusus Jalan Belakang Pondok, gitu [begitu] je [sahaja]. Cuma kita letak Lorong 1, Lorong 2, Lorong 3. Tu [itu] jelah [sahaja]

SNA **Adakah Pondok Hidayah ni ada papan tanda yang orang boleh tahu bahawasanya pondok Hidayah ni ada disini?**

UG Aaa [lya] memang ada di luar. Di jalan besar di cabang tiga nak masuk ada Pondok Hidayah II di sebelah kanan nak masuk tu [itu] ada

SNA **Boleh tak Ustaz nyatakan serba sedikit tentang kemudahan-kemudahan yang ada di Pondok hidayah ni, yang disediakan untuk warga-warga emas dan juga pasangan kelamin disini?**

UG Diantara kemudahan-kemudahannya seperti ada disediakan masjid, ada kantin. Untuk warga emas, kita ada kantin untuk sediakan makanan dia dan kita ada dua orang tukang masak untuk warga emas. Ada kantin, dan ada surau tempat beribadat untuk belajar. Kita sediakan tempat-tempat meja-meja untuk mereka berehat. Dan kita menggalakkan warga emas yang menetap disini untuk bercucuk tanam dan pihak jabatan pertanian pun pernah buwi [memberi] benih-benih percuma untuk mereka berusaha sendiri lah bagi membantu diaorang [mereka] untuk menjana ekonomi

SNA **Jadi Ustaz ada sediakan kantin, jadi adakah warga emas ini akan makan beramai-ramai di kantin atau ada yang akan memasak sendiri di rumah?**

UG Warga emas ini, kita masak di kantin selepas itu dia pergi amik [ambil] bawak [membawa] bekas masing-masing lah untuk bawak [bawa] balik [pulang] ke bilik dia untuk makan di bilik dia. Sebab biasanya orang perempuan ini dia taknak makan seperti budak-budak di asrama. Pada peringkat awalnya, kita buat makan di kantin, dengan ada mejanya, ada trail tetapi diaorang [mereka] tidak selesa. Ada yang nk makan sikit, makan separuh, nak taruh [simpan] sikit. Jadi, kita pikir-pikir [fikir-fikir], lebih baiklah tak menyusahkan kita. Jadi dia pon selesa, baik dia bawak [bawa] bekas dia, bawak [bawa] bekas dia untuk lauk, untuk nasi dan kita bubuh [letak] lauk sikit dan nasi, kuah dia bawak [bawa] balik. Untuk dia buat tambahan ulam ke, sambal ke supaya lebih selesa lagi lah. Kita bagi

[beri] kebebasan untuk makan. Sekali makan ke, dua kali makan ke (ketawa)

**SNA** Dekat kantin tadi Ustaz ada sebut yang dua orang tukang masak. Adakah dua orang tukang masak itu merupakan warga emas di sini ataupun pekerja Pondok Hidayah sendiri?

UG Diantara warga emas disini lah. Yang aktif sikit. Yang ada kemampuan untuk masaklah

**SNA** Jadi mereka ni [ini] akan bertukar-tukar setiap harilah ataupun memang orang yang sama?

UG Dua orang itu memang orang yang sama yang kita gaji tetap dia. Dan pembantu-pembantu sukarela daripada peserta-peserta di rumah ni ramailah untuk membantu diaorang [mereka]. Memang ibu-ibu ni [ini] suka menolong di dapur

**SNA** Sedia maklum, zaman sekarang ni kita lebih cenderung menggunakan *social* [sosial] media untuk menghebahkan sesuatu. Jadi adakah Pondok Al-Hidayah ni dihebahkan melalui social media yang sedia ada?

UG Memang ada kita hebohkan melalui internet seperti Facebook

**SNA** Jadi siapa yang akan urus hebahan tersebut?

UG Dia ada satu orang dari Pejabat Tanah untuk mengiklan. Setiausaha

bahagian iklan

SNA **Maksudnya dari masa ke semasa, apa-apa berkaitan pondok Hidayah, diaorang [mereka] yang akan iklankan?**

UG Betul, diaorang [mereka] akan iklankan

SNA **Sebelum kawasan ni siap dibina, dari manakah Pondok AI-Hidayah ni mendapatkan bahan mentah untuk membina kawasan ni?**

UG Kita dapat daripada -- projek Pondok Hidayah ni tidak memerlukan projek yang khususlah. Tidak ada dana yang khusus jadi membinakan bangunan-bangunan yang ada diperbuat daripada kayu, tidak ada bangunan batu. Banyak sumbangan kayu pada peringkat awal iaitu kita bina projek Fasa pertama ada empat puluh buah pondok yang sebiji-sebiji tu dan tiga blok asrama. Dan hasil daripada kita dapat bantuan daripada sumbangan daripada NGO [National Governmental Organisation], orang ramai dan juga bangunan SUK [Setiusaha Kerajaan] negeri Kelantan dan daripada kontrak-kontrak yang sudi memberi pertolongan kepada -- buat kebajikan. Disitulah dapat kita binakan satu projek

SNA **Contohnya, jika ada pelawat yang nak masuk kedalam kawasan ni, perlukah diaorang mendapatkan kebenaran daripada sesiapa?**

UG Memanglah kalau ada pelawat, kita syorkan supaya dia beritahu lebih awal lah. Pasalnya kita nak keluarkan persiapan apa yang perlu kita lakukan dan apa keperluan yang dia nak datang sini. Jadi, biasa kita kalau program-program macam besar-besar. Kita mintak supaya dia hantar

surat kepada Ketua Jajahan untuk memberi maklum kepada Ketua Jajahan tentang keperluan yang kita perlu disini, hantar khemah ke, meja ke. Jadi, mudah untuk kita buat persiapan

SNA **Itu kalau pelawat daripada luar, kalau anak-anak daripada warga emas itu sendiri untuk melawat ibu mereka diaorang kena dapatkan kebenaran jugak [juga] ke ataupun tidak?**

UG Untuk anak-anak nak melawat ibu mereka, bebas. Kita beri kebebasan. Kita nak kawal itu pon Uuga] benda yang menyusahkan

SNA **Diaorang (Mereka] boleh keluar masuk bila-bila masa ?**

UG Ya, boleh masuk

SNA **Seterusnya, kita beralih kepada reka bentuk Pondok Al-hidayah ni. Adakah dia dibina secara- dah ditetapkan reka bentuknya ataupun mengikut kesesuaian tanah?**

UG Dari segi rekabentuknya pada peringkat awalnya ianya di bina mengikut kesesuaian tanahlah sebab tanah sini, tanahnya tidak sama tapi bila diratakan maka dibina Pondok Hidayah II ni, rapat berjujuk [berderet]. Itulah --- memanglah *plan* [rancangan] yang direka dan ditetapkan oleh pihak berkenaan pada peringkat awal lagilah.

SNA **Jadi, pihak berkenaan yang daripada awal lah yang menetapkan reka bentuk kawasan rumah ni macam mana?**

UG Iya

**SNA Setakat ni lah Ustaz, apakah jenis keselamatan dikawasan Pondok Hidayah? Contohnya, ada pemadam api ke, pili bomba ke kalau terjadi kebakaran ataupun kejadian yang tak disangka**

UG Segi keselamatan di Pondok Hidayah ni alat pemadam api kita ada di asrama satu satu blok, kita ada tiga pemadam api. Bermakna tiga blok ada Sembilan. Di kantin satu, di masjid. Memang wajib ada pemadam api. Jadi keselamatan yang lain itu kita -- disini ada tertubuh satu persatuan Rukun Tetangga dan kita mintak [minta] juga daripada pihak polis untuk buat lawatan termasuk kawasan Pondok Hidayah ini sebagai kawasan lawatan. Sekarang ni pan Ouga], dia [mereka] masuk sekali seminggu untuk amik [ambil] tahu tentang keselamatan disini

**SNA Jadi takde jadual tetaplah untuk diaorang meronda dalam kawasan ni**

Ya, tidak ada. Untuk kita mintak [minta] supaya adakan lebih -- maksudnya setiap malam dia [mereka] tidak mampu kerana anggota tidak mencukupi

**SNA Jadi diaorang akan meronda pada waktu siang hari ataupun malam hari?**

UG Malam hari lah. Biasa datang ke sini dalam pukul dua betas atau pukul satu pukul dua.



SNA Adakah Ustaz akan dimaklumkan terlebih dahulu ataupun diaorang meronda

UG Macam biasalah. Kita mintak [minta] diaorang [mereka] supaya datang sini. Ada masa yang sesuai dia marilah [datang]

**TAMAT SAHAGIAN 4**

## BAHAGIAN 5: ISU BANGUNAN

**SNA : Okay Ustaz, macam mana penerimaan penduduk setempat terhadap Pondok Al-Hidayah ni?**

UG : Penerimaan penduduk setempat terhadap Pondok Hidayah ini Alhamdulillah masa kini merupakan sokongan yang padu. Diantara contohnya bila kita buat satu gotong-royong, mana kita dapat sukan bersama, dan bila kita buat majlis-majlis perayaan Islam seperti *Asyura*, *Jsrak Mikraj*, alhamdulillah mana kita boleh mengumpulkan peserta-peserta pondok dan jiran-jiran di sekitar ini. Dan juga yang lebih jauh lagi pun alhamdulillah mereka itu bersama kita apabila ada program-program besarlah.

**SNA : Jadi, contohnya majlis-majlis agama tu akan diadakan di dalam ni [ini] ataupun dikawasan luar?**

UG : Majlis biasanya dalam ni lah. Biasa kita buat di masjidlah. Majlis seperti program Israk Mikraj, maulud Nabi, itu majlis Asyura baruni (baru-baru ini) kita buat Asyura empat kawah Asyura, alhamdulillah tidak ada masalahlah untuk buat laksanakan tu. Kita boleh buat sempurna dan kita boleh bagi kepada semua sekitar kita ni samada peserta luar, jiran-jiran dan semua.

**SNA : Pondok Al-Hidayah ada konsep tak Ustaz?**

UG : Alhamdulillah, memang dia ada konsep tersendiri, konsepnya ialah yang penempatan yang berpusatkan kepada penempatan yang pusat, penempatan yang percuma, yang berpusatkan kepada masjid. Jadi penempatan ni dia bagi satu percumalah. Tapi dia bagi kesediaan pulak untuk peserta yang berada di sini mudah-mudahan untuk pembelajaran agama. Yang mana kita buat dari masjid Pondok Hidayah yang

merupakan ditengah-tengah penempatan disini. Yang lainnya seperti satu kelamin kita tempatkan di bawah rumah iaitu dalam konsep kita, kelamin kita letakkan di rumah dan rumah itu sekurang-kurangnya dua bilik lah. Dan sekarang ini ada dalam tiga bilik empat biliklah. Pada peringkat awalnya kita, pada peringkat awal semua dua bilik dan kita dibenarkan tambah ..... pada keluarga yang ramailah. Dan juga warga emas, warga emas konsep kita, kita letak di asrama rumah panjang, dan setiap bilik untuk dua orang. Kapasiti dua orang satu bilik. Kita sediakan satu katil, dua katil satu bilik duduk dua orang. Jadi kita ada sekarang ni tiga puluh lima bilik untuk warga emas. Dan ketiganya ialah konsep kita, jiran berhampiran Pondok Hidayah ni dianggap sebagai peserta pondok. Mana kita sama. Kalau ada program-program, kita suka dia orang terlibat sama. Dan kita suka dia orang, maknanya mengambil peranan yang sama dari segi pengisian agama, belajar di masjid, sembahyang jemaah bersama, alhamdulillah. Jadi kita tidak ada beza mereka-mereka yang datang kesini kita anggap sebagai saudara sesama kita disini. Itu konsep Pondok Hidayah

**SNA : Penduduk-penduduk disini, adakah mereka diwajibkan untuk menyertai program-program yang pondok ataupun tak join (serta) pun tak apa, join [serta] pun alhamdulillah?**

**UG :** Kita dari segi programnya kita bagi mereka yang tidak ada keuzuran kita wajibkan lah. Wajib supaya menghadiri program-program. Kalau program solat berjemaah ni di masjid, dan pada peringkat awalnya kita banci. Makna siapa yang tak hadir kita akan hantar laporan kepada pihak pejabat tanah iaitu ketua jajahan. Ketua jajahan akan membuat tindakan lah apa yang dia akan panggil untuk bersua muka. Jadi kita cuba untuk sedaya-upayalah sehinggakan kita banci pada peringkat awal. Setiap orang hadir sembahyang Jemaah. Jadi beberapa kali tidak hadir sembahyang Jemaah dalam masa dua tiga empat bulan maka

dalam masa sebulan maka kita sepatut dia ni diambil tindakan atau tidak ambik tindakan.jadi setiap program memanglah kita menggalakkan supaya peserta kita bersama dalam program kecuali mereka yang ada keuzuran. Yang ada minta keizinan, kalau ada sebab lain maka kita dibenarkan, benarkanlah.

**SNA : Okay [Baiklah] Ustaz, seterusnya mengapakah kawasan, kawasan ni dipilih untuk Pondok Hidayah dibina?**

UG : Kawasan ini dipilih sebagai kawasan Pondok Hidayah ni dibina, pertamanya kawasan ni adalah kawasan tanah kerajaan. Tak perlu kita beli dah dengan harga yang mahal. Satu tanah kerajaan, yang keduanya kawasan ini merupakan kawasan tidak diguna sebagai tempat untuk peliharaan haiwan jadi tidak ada pokok-pokok yang besar-besarnya. Jadi perbelanjaan kos yang tinggi dan yang keduanya, yang ketiganya ialah strategi disini memanglah sesuai kerana ada kampung-kampung lama yang berdekatan.

**SNA : Ustaz, untuk peringkat awal pembinaan rumah ni, pondok ni, kenapa mereka pilih menggunakan kayu, kenapa mereka tak menggunakan batu?**

UG : Jadi kalau peringkat awal memang kita tidak ada kos yang banyak. Semua kita bina atas sumbangan daripada individu atau persatuan, jadi apa kayulah lebih di ekonomi kosnya maka dibinakan. Kalau kita ada peruntukan khas memang hendak batu. Tapi kita tifak ada peruntukan khusus, sekadar yang kita mampu, sumbangan-sumbangan daripada orang ramai iaitulah yang kita laksanakan setakat ini.

**SNA : Berapa lamakah masa yang diambil untuk membina pondok Hidayah ni?**

UG : Rumah panjang tu untuk warga emas mana bagi pandangan pihak berkenaan pondok ini satunya rumah panjang ni adalah sesuai dengan orang tua kerana boleh berhubung antara satu sama lain. Jadi boleh pergi marai. Boleh memupuk ukhuwah antara warga emas, kerana kalau duduk seorang duduk berasingan jauh jauh makanya menyusahkan dia sendiri. Jadi kita lebih suka warga emas ni duduk mana satu bangunan yang dekat-dekat. Mudah untuk memberi pertolongan antara sama mereka.

**SNA : Senang untuk mereka rapatkan hubungan lah?**

UG : Hubungan yang untuk kita jaga dia senanglah.

**SNA : Ustaz, selain daripada program-program agama yang dianjurkan, pada waktu petang adakah diaorang [mereka] akan melakukan aktiviti bebas atau ada program yang dah disediakan untuk mereka pada waktu petang?**

UG : Jadi selain program-program pengisian masjid, solat Jemaah dan agama, program luar bagi warga emas ada disediakan. Contohnya, warga emas pondok Hidayah ni sebagai ibu angkat kepada Klinik Desa Batu 30. Setiap dua minggu sekali dia mabik warga emas untuk mengadakan motivasi ataupun latihan-latihan di klinik Batu 30 dan dia ni ada persatuan warga emas. Jadi dia ada kemudahan. Dan kita ada van disediakan untuk warga emas. Van yang boleh isi 10 orang. Nak kemana-mana warga emas atau program boleh bergerak sendirilah. Alhamdulillah.rezekikan baru setahun. Awai tahun baruni MKSM Majlis Kebajikan Malaysia telah hadiakan van tu kepada pondok hidayah untuk kemudahan ibu tunggal, warga emas pondok hidayah lah.

**SNA : Ustaz, tadi Ustaz sebut tentang penghuni warga emas ni akan**

**dihantar ke klinik. Adakah secara serentak mereka akan pergi ataupun sedikit demi sedikit.**

UG : Program tu dia buat dua kali sebulan. Maka biasanya hari Rabu yang mana yang yang cergas yang tak uzur maka digalakan semua pergi dan diangkut daripada klinik desa dan van yang kita ada sendiri. Selain daripada itu juga, warga emas kita untuk aktivi luar, suka untuk bercucuk tanam. Sayur-sayur. Kalau tengok belakang asrama tu ada tanam lada, dan macam-macam lagi. Ada aktivitilah.

**SNA : Ustaz, sebelum ni pernah tak Pondok Hidayah ni masalah seperti ketiadaan air, ketiadaan elektrik?**

UG : Memang kita ada masalah. Terutamanya masalah airlah. Sebab kita disini tidak ada lagi air daripada air Kelantan. Ada paip sahaja, air taka da. Sudah dua penggal pilihan raya. Belum lagi ada (ketawa) pili bomba ada, tapi air tak ada. Cuma kita guna pada peringkat awal kita pakai air daripada bukit Kepang. Air daripada bukit, air tandakkan. Tapi setelah beberapa tahun, tiga tahun lepas, air tu tak boleh digunakan lagi sebab ada penebangan balak diatas. Jadi rosak. Kita ambil inisiatif lain, kita ada boring. Jadi kita gunakan boring, dua boring, dua lubang. Jadi terpaksa gunakan enjinlah. Baru ni kita boring satu lubang, kosnya hampir dua puluh lima ribu. Alhamdulillah. Air mendera, tapi kos bulanan lah tinggi. Tapi kos tinggi pulak. Hamper 700 untuk kos enjin sahaja. Jadi nak menunggu air daripada air Klenatan tak sampai lagi.

**SNA : Dia orang tiada cakap bila nak hantar air tu?**

UG : Diaorang [Mereka] memanglah janji nak buat, tapi sekarang ni [ini] kita ada nampaklah baik pulih semula yang rosak, mungkin tak [tidak] lama lagi.

**SNA : Dari segi bekalan elektrik selalu adalah Ustaz?**

UG : Dari segi elektrik masalah juga. Dari segi kekurangan api. Kadang-kadang kita jadi malap sebab kita tak [tidak] ada jana kuasa. Penduduknya dekat lima ratus orang, patutnya kena [perlu] ada satu jana kuasa elektrik untuk sebagai. Tapi kita taka da. Sebab itulah masalah elektrik sentiasa malap, sebab masalah peti, peti cepat rosak, tak [tidak] cukup. Alat elektrik mudah rosak. Masalah ni susah sebab perlu kepada pihak kerajaan untuk membuat sesuatu lah.

**SNA : Di sekitar pondok Hidayah ni, pada waktu malam adalah tiang tiang lampu?**

UG : Alhamdulillah, adalah. Setiap jalan ada lampu.

**SNA : Ustaz, berdasarkan pemerhatian kami, dikawasan depan sana ada sedang melakukan pembinaan. Boleh Ustaz terangkan apa yang sedang dibina dikawasan tu?**

UG : Luar sana? Luar sana perumahan, kawasan perumahan, kawasan untuk lot-lot tanah. Dalam pembinaan, ada sedang dibuat dan ada yang belum dibuat lagi.

**SNA : Jadi tu dibawah pengurusan ustazlah?**

UG : Haa, tidak tu dibawah masing-masing. Satu perumahan. Tak [Tidak] terlibat dengan kita

**SNA : Okay, boleh tak Ustaz terangkan aktiviti-aktiviti seharian yang dilakukan warga emas disini.**

UG : Aktiviti seharian, kita tengok permulaan awal pagi kita sembahyang Subuh berjemaah, selepas susbuh kita ada tazkirah sampai pukul tujuh pagi. Biasanya pagi untuk pengisiannya saya membaca tafsir. Setaiap

pagi kit abaca tafsir sehingga pukul tujuh. Selepas selesai tujuh pagi, peserta kita akan diberikan makan lah. Selepas itu kelas Quran di masjid sehingga pukul sebelas. Selepas pukul sebelas, pukul dua-belas kita bagi makan tengahari, lepas itu tunggu Zohor. Jemaah sembahyang Zohor, lepas Zohor tu [itu] ada kelas untuk warga emas, kelas Feqah, Tauhid, kitab-kitab untuk dia [mereka] setiap hari, waktu zohor. Yang tenaga pengajarnya adalah isteri saya dan seorang daripada luar, daripada guru Halaqah untuk memberi pengisian kepada warga emas dan juga ada antara kita yang membantu kita secara suka rela yang ada kelebihan yang membantu kita untuk mengajar warga emas. Selepas daripada sembahyang Asar berjemaah, kita ajar Quran beramai-ramai. Saya baca satu ayat, semua ikut sebanyak satu helai quran. Dua pipi. Selesai tu, kita bagi bebas untuk menunggu waktu Mahgrib. Lepas tu Jemaah sembahyang Maghrib, antara Maghrib dan Insyak kita ada bacaan kitab lah, ada Feqah, ada Tauhid, ada Hadis ada kitab Akhlak setiap malam. Itulah pengisian yang secara tidak langsung kita buat untuk peserta kita, warga emas dan peserta kelamin. Yang kita boleh lakukan.

**SNA : Maknanya, setiap program ni tak diwajibkanlah.**

UG : Kita tak wajibkan, atas kesedaran masing-masing. Sebab benda ni tidak berbayar, tenaga pengajarnya tidak dibayar. Sukarela.

**SNA : Ustaz, setiap kali ada penambahbaikan, bagaimanakah pihak Ustaz mendapat sumbangan?**

UG : Untuk penambahbaikan, biasanya kita akan umumkan pada asli Jemaah kita. Yang terbaru kita buat tangka air. Dan ini juga, tempat rehat kita ni yang terbaru. Kita bagi tahu pada Jemaah kita akan buat ini. Jadi kita akan kutip daripada Jemaah lah. Jadi ibu-ibu akan bagitahu pada anak-



anak dia yang mana ada ni [ini], setengah tu yang tak mampu bagi banyak dia bagi satu beg simen, ada bagi sepuluh ringgit, dua puluh ringgit, satu ringgit, macam-macam. Alhamdulillah, kita dapat ini hasil daripada sumbangan Jemaah kita. Yang tandas tu pun, ahli Jemaah kita yang buat sendiri, Cuma kita dapat peruntukan daripada jabat tanah dan yang lebih kita tambah tabung yang kita ada disini.

**SNA : Ustaz, setakat ini adakah kerjasama penghuni-penghuni rumah ni dalam keadaan baik atau pernah jadi kes gaduh ke?**

UG : Sekarang kerjasama penghuni alhamdulillah. Kita tidak ada pergaduhan yang besar. Biasa yang kecil-kecil tu biasalah. Tidak ada yang pergaduhan yang kita tak boleh kawal. Bila kita buat sesuatu program maka kita boleh berhimpun. Contohnya gotong-royong. Tidak ada kes jenayah besarlah. Satu pihak serang pihak sana, tak [tidak] pernah berlaku.

**SNA : Sewaktu pondok hidayah dibina, adakah tersedianya pelan membina rumah? Sebab ada yang kami lihat, ada yang panjang dan ada yang sebuah rumah, tapi usaz sebelum ni memang macam ni jugakkan?**

UG : Jadi, pada asasnya, asalnya, pihak yang berkenaan ada membuat satu pelan supaya kalua di ubah suai tidak lari dari reka bentuk asal. Tapi oleh kerana setengah daripada penghuni nak besarkan ikut selera dia, keluarga yang besar, maka kita bagi. Asalkan tidak sudahkan pihak jiran sebelah.

**SNA : Adakah kawasan pondok hidayah ni ada saliran longkang yang baik, yang elok.**

UG : Alhamdulillah, seperti yang dibelakang sana ada saliran longkang yang baik. Daripada belakang masjid terus ke luar sana.

**SNA : Jadi Ustaz, wakaf yang kita duduk ni dan juga kerusi kat belakang tu adakah daripada sumbangan pihak luar atau Jemaah?**

**UG : Jemaah yang bagi, Jemaah yang sumbang. Bila saya kata nak beli kerusi, kita beli dua set sembilan ratus ringgit. Kita suarakan nak beli, jadi Jemaah akan pakat-pakat bagi sumbangan. Jadi tidak ada masalah lah, benda yang kecil-kecil tu [itu] tidak ada masalah.**

**SNA : Ustaz adakah pondok Hidayah ni masih lagi ada kawasan tanah yang masih kosong?**

**UG : Memang ada tanah yang masih kosong dibelakang sana masih ada kosong lagi. Jadi boleh buat pondok yang kecil-kecil. Jadi boleh lagi taka da masalah sebab tanah kerajaan sana tu seratus ekar lagi. Jadi atas kehendak jabat tanah sebab dia yang jaga pondok ni. Kalua dia nak besarkan maka dia kena mintak. Sebab sana tanah kerajaan. Di sana Bukit Kepang, tanah kerajaan yang mana tak diteroka lagi setakat ini.**

**SNA : Jadi kalau ada tak perancangan lain untuk tanah-tanah yang kosong tu?**

**UG : Setakat ini, untuk besarkan pondok ni lah. Tidak ada cadangan lain.**

**SNA : Jadi Ustaz setakat ni kesemua rumah di pondok Hidayah ni penuhlah?**

**UG : Ya, alhamdulillah.**

**SNA : Contohnya Ustaz, kalau Ustaz berniat untuk dapatkan sumbangan ataupun bantuan dari pihak luar, adakah Ustaz perlu memohon daripada pejabat tanah ataupun Ustaz sendiri akan mohon**

UG : Itu ikut keadaan lah, kalau projek tu besar mesti melalui pejabat tanahlah. Kalau yang kecil, dia bagi pada peggurusan disini untuk projek kecil. Kalau besar, maka kita minta kebenaran daripada pejabat tanah.

**SNA : Boleh tak Ustaz nyatakan Jabatan ataupun NGO-NGO yang selalu bagi sumbangan untuk pondok Al-Hidayah?**

UG : Dia, mana organisasi sini terdiri daripada Jabatan-jabatan, AJK [Ahli Jawatan Kuasa] daripada Jabatan, *District Officer* [Pegawai Jajahan] ketua jajahan dan setiausahanya dan bendaharinya, AJK-AJK dibawah tu wakil daripada Jabatan-jabatan seperti polis, bomba, JPS [Jabatan Pengaliran dan Saliran], JKR [Jabatan Kerja Raya], dia ada ahli. Bila ad mesyuarat, dia hantar wakil, apa yang nak buat di pondok Hidayah. Yang terlibat, dia akan mari. Contohnya kalau DO [district Officer] kata "mana saliran yang perlu dibaiki", kita akan pergi baiki. Baru ini, parit besar tu, Jabatan daripada Jabatan Persaliran. Jadi pembangunan iaitu daripada projek kerajaan.

**SNA : Sebelum ini, Ustaz ada sebut pasal persatuan warga emas ya Ustaz, persatuan warga emas itu, dipengurusikan oleh siapa?**

UG : Persatuan warga emas tu, dia buat di ada diadakan di Klinik Desa Batu 30, yang pengerusinya adalah bekas pesara tentera, Haji Shafie nama dia. Jadi dia di bawah jagaan doctor di klinik Batu 30, di bawah pengawasan dia. Persatuan dia tu [itu]. Cuma ahli daripada persatuan dia tu, ahli daripada warga emas kitalah. Warga emas dari rumah sejahtera ni kerana apa-apa program pun, angkut yang sini je. Angkut warga emas sini je [sahaja], senang pasal [kerana] dia datang ambik [ambil] setempat. Kalau dia nak angkut daripada kampung-kampung tu, sukar juga. Jadi mudah dia ambil sini [disini]. Sebahagian besar daripadanya, persatuan warga emas klinik desa Batu 30 tu ialah jadi ahli

jadi peserta pondok Hidayah lah. Alhamdulillah, kalau kita ada masalah warga emas sakit, saya maklum pada klinik dengan segera, saya sebagai ahli panel klinik Batu 30 juga. Panel penasihat lah. Dia orang lantik saya sebagai panel penasihat. Jadi segala kemudahan kita boleh guna. Jadi keutamaan diberi pada kitalah warga emas ni.

**SNA : Untuk sukarelawan tu, adakah mereka menetap dikawasan ni atau ...**

**UG : ...semua menetap di dalam kawasan ni. Semua peserta pondok kita, tak [tidak] terlibat orang luar.**

**SNA : Sukarelawan tu terdiri daripada pasangan kelamin lah?**

Aah, kelaminlah. Kita ambik [ambil] tidak daripada warga luar. Orang yang mampu untuk menguruskan, untuk membantu. Dia yang nak urus, yang nak bantu.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## **BAHAGIAN 6: HARAPAN TOKOH**

**TAE : Baiklah. Sekarang kita akan teruskan dengan seksyen D iaitu pesanan dan harapan daripada Ustaz Ghazali sendiri. Apakah harapan Ustaz terhadap Pondok Hidayah?**

**UG : Harapan saya terhadap pondok Hidayah ni, harapnya supaya maju kedepanlah dari segi pembangunan, dari segi bilangan penduduk pun kita harap meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan dan perlu kepada masyarakat luar. Terutama dari segi kewangan lah yang utamanya sebab kita tak [tidak] ada sumber yang tetap untuk menjadikan pondok Hidayah ini. Jadi, kita hasil dari sumbangan orang ramai. Harapan kita.**

**TAE : Adakah Ustaz berharap orang akan lebih mengetahui ataupun ambil tahu tentang kewujudan pondok Hidayah?**

**UG : Alhamdulillah, kita berharap sangatlah orang mengambil tahu dan ramai orang tahu, sebab kita tengok sekarang ni ramai daripada pelajar-pelajar, universiti-universiti datang kesini untuk membuat kajian-kajian. Dua minggu lepas daripada UMK [Universiti Malaysia Kelantan] buat research [kajian] macam ni lah. Kalaulah kita kata perkembangan lain, mana masyarakat luar suka datang kesini, apabila ibu-ibu mereka disini, anak-anak daripada Kuala Lumpur sana, mereka sentiasa berhubung, mereka sentiasa datang ke sini. Sekali-sekala mereka bawak barang-barang untuk beri sumbangan-sumbangan sini, hasil daripada hubungan di antara ibu dan anak-anak mereka itu yang di Kuala Lumpur, anak yang di jauh sana, jadi perkembangan itu luas lah. Ada ramai yang**

telefon, yang nak tahu perkembangan.

**TAE : Baiklah, adakah Ustaz berharap pondok Hidayah ni bertambah Cawangan?**

**UG :** Bagi saya untuk menambah cawangan itu, sangatlah berharap kalaulah permintaan daripada ibu-ibu warga emas dan juga penduduk-penduduk miskin. Sepanjang saya berada disini makna ramai orang yang datang untuk duduk di pondok sebegini. Tapi oleh kerana saya tak [tidak] dapat memenuhi permintaan mereka kerana penempatan kurang. Ibu-ibu warga emas ini, dalam bulan ni [ini] sahaja beberapa orang sudah datang untuk memohon tempat duduk tapi kita tak [tidak] boleh bagi kerana tempat tu [itu] tidak ada, jadi perlulah tempat tu besarkan. Siapa yang boleh memberi sumbangan untuk membesarkan untuk menambahkan tempat-tempat pada warga emas untuk mereka sama-sama belajar dan menjaga sembahyang waktu di pondok, lain-lain tempatlah. Perlu kepada pertambahan cawangan-cawangan khususnya untuk rumah orang tua yang berfungsi yang berpusatkan kepada masjid, bukan sekadar rumah orang tua sahaja, untuk jaga makan minum saja. Sebab kita tengok, kita dengar seperti dulu rumah orang tua ni [ini] untuk jaga mereka makan dan minum. Tidak untuk pengisian untuk pengisian mereka, bekal untuk akhirat. Jadi fungsi pondok Hidayah sini ialah di antara rumah sejahtera yang berlainan dari rumah sejahtera yang lain.

Kita sini rumah sejahtera ialah ibu-ibu warga emas datang kesini bukanlah datang dari keluarga yang tidak ambil tahu ibu-ibu, bukan anak-anak yang tidak mempeduli tidak. Ini pilihan ibu-ibu warga emas untuk datang sini kerana apa, kerana mereka nak menghabiskan sisa-sisa hidup mereka dengan menjaga sembahyang Jemaah, fardhu ain dan mengaji Quran, itu di antara hajat mereka. Bukan sekadar hendak makan, makan minum di rumah mereka pun anak mereka tanggung sudah mencukupi. Tetapi mereka tidak mahu duduk dirumah, mereka mahu duduk di tempat yang berpusatkan masjid yang ada pengisian-pengisian pagi, petang dan malam. Itulah diantara kaedah yang saya bawa [bawa]. Kerana, dalam Malaysia ni, inilah projek pertama saya dapat saya tahunya, iaitu projek penempatan rakyat termiskin yang berpusat masjid. Yang berpusatkan pada masjid. Jadi kita sediakan rumah untuk rakyat miskin, lepastu kita sediakan pengisian pada mereka dan kita sediakan kemudahan untuk menjamin ekonomi mereka. Jadi tiga sekali, tidak seperti setengah daripada kita yang untuk memikirkan berasa untuk membantu orang miskin ni kita bagi rumah pada mereka, lepastu bagi rumah duduk rumah, lepastu dia tak sembanhyang Jemaah. Dia jahil. Dari segi ekonomi pun, dia boleh rumah tapi dia minta sedekah. Jadi kita konsep disini ialah konsep pemberi penempatan secara berpusat kepada masjid, secara Islam. Dengan cara tak langsung kita boleh membasmi kemiskinan, beri penempatan dan mengubah sikap

yang negatif kepada positif dan mengubah minda dia. Minda yang tak pernah bergaul dengan masyarakat. Dan juga, kita boleh memberikan peluang kepada mereka tunjuk ajar untuk menambahkan ekonomi mereka. Contoh, dari segi banyak Jabatan yang bagi RISDA [Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah], memberi kursus sos cili, memberi tunjuk ajar, bantuan barang-barang. Alhamdulillah, diberinya ilmu, diberinya peralatan maka bagi orang berminat dia boleh mengubah dari segi ekonomi dia. Jadi projek-projek sebegini, ni [ini] lah yang pertama dalam Malaysia. Hla tuju yang utamanya untuk membasmi kemiskinan lah.

**TAE : Baiklah, soalan terakhir kami untuk Ustaz, adakah Ustaz mempunyai sebarang pesanan untuk orang di luar sana terhadap pondok Hidayah?**

**UG :** Jadi, untuk pesanan saya kepada orang di luar sana, saya sangat berharap kepada masyarakat-masyarakat di luar sana yang menderma untuk membantu projek-projek sebegini, tidak semestinya pondok Hidayah sahajalah, mana-mana projek sebegini. Maka kita cuba untuk galakkan kerjasama untuk supaya dapat kita melaksanakan membantu rakyat miskin, membantu miskin dari segi ekonomi, miskin dari segi minda dan dari segi sikap. Maka dengan kita boleh mengubah, sebab apa, dengan kita memberi ini dengan pendedahan mereka terhadap



penempatan berpusat kepada masjid. Maka inilah yang terbaik dari segi projek. Jadi pada di luar sana, maka saya rasa memanglah orang di luar sana yang datang kesini, suka melihat disini. Tidak ada tempat yang lain sebegini, itu yang kita katakan keistimewaan ada disini. Makna, sini suka duduk. Sunyi, sesuai dengan lokasi tempat sini. Berdekatan dengan bukit, nama bukit Bukit Kepang. Jauh daripada bandar Machang pun tidak berapa jauh. Lebih kurang tujuh kilometer dan dari segi kampung lama berjiran dengan kampung berhampiran. Jadi tidak ada masalahlah pondok Hidayah ni kita kata kan satu kawasan yang terpencil di kawasan hutan. Walaupun kita tengok hutan, tapi bukan ditengah hutan. Tapi dia berhampiran dengan kampung-kampung lama. Okay itulah sahaja dan saya banyak terima kasihlah kepada khususnya kepada Alia dan juga Effa kerana sudi satang ke pondok Hidayah untuk menemu-ramah supaya pondok Hodayah ni lebih terkenal lagi di masa akan datang insha allah. Walau kita tiada, akan datang akan lebih membangun lagi. wallahualam

**TAE : Maka dengan ini, tamatlah wawancara dengan pengurus pondok Hidayah. Terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh Ustaz Ghazali. Ustaz sempat tak untuk buat sesi bergambar kejam?**

**UG : Boleh.**

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## **RUJUKAN**

(Ustaz Ghazali Isa, penyelia pondok hidayah, November 1, 2018)

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Masa	Subjek:	Nama/Tempat/Rujukan
<b>Bahagian 1 : Latar belakang</b>		
00:00:00	Biodata dan latar belakang peribadi Ustaz Ghazali bin Isa	Ghazali bin Isa, Isa bin Muhammad, Empat perempuan dan lima lelaki Anak sulung lelaki
<b>Bahagian 2 : Sejarah Pendidikan</b>		
00:02:51	Latar belakang pendidikan	Sekolah Kebangsaan Belukar Sekolah Menengah Kebangsaan Machang Persatuan Islam Kelantan Kelab sukan bola sepak STPM Pondok Sungai Durian Syria di Kota Damaskus
<b>Bahagian 3 : Kerjaya Terkini</b>		
00:10:23	Idola	Allahyarham Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz
00:11:05	Pekerjaan	Pendakwah bebas Imam Berniaga
<b>Bahagian 4 : Maklumat Bangunan</b>		
00:12:08	Tahun ditubuhkan dan pengasas	9 Februari 1998 Ketua Jajahan Machang Ahmad Mahmud Tuanku Zainab

00:29:15	Maklumat Tanah Pondok Hidayah	Tanah kerajaan Keluasan 18 ekar
00:29:42	Cawangan pondok Hidayah	Dua cawangan: 1. Tanah merah 2. Machang
00:31:16	Objektif pondok Hidayah	Membasmikan rakyat miskin dan membuat penyusunan penempatan secara berpusat pada masjid.
00:39:05	Sumbangan untuk pondok Hidayah	1. sumbangan kewangan 2. makanan-makanan dan benda-benda bahan mentah 3. pakaian terpakai
	Saluran sumbangan	Wang disalurkan ke Jabatan Tanah dahulu Makanan terus ke pondok Hidayah
00:43:01	Untuk menetap	Percuma kecuali bayaran untuk bil elektrik dan air
00:43:30	Jika ada kematian	Atas keinginan arwah, jika ingin dibawa balik maka dibawa balik
<b>Bahagian 5: Isu Pondok Hidayah</b>		
00:46:09	Undang-undang pondok Hidayah	Berkelahi atau jenayah
00:49:56	Papan tanda pondok Hidayah	Di sebelah kanan jalan masuk
00:50:17	Kemudahan untuk warga emas	1. masjid 2. kantin 3. meja untuk berehat
00:53:36	Hebahan tentang pondok Hidayah	Melalui Facebook

00:56:06	Pelawat	Maklum pada pengurusan dahulu
00:57:02	Reka bentuk pondok Hidayah	Di bina ikut kesesuaian tanah
00:58:00	Jenis keselamatan	Pemadam api Rondaan polis setiap malam
01:06:23	Konsep pondok Hidayah	Berpusatkan masjid
	Bahan binaan rumah	Kayu dan ada sesetengah batu
	Tempoh binaan pondok Hidayah	Setahun
01:11:23	Masalah air	Dahulu guna air bukit Sekarang menggunakan boring tetapi kos bil elektrik meningkat
01:14:03	Masalah elektrik	Tiada janakuasa elektrik sendiri
01:25:30	Penambahbaikan rumah	Sumbangan daripada Jemaah dan dibantu Jemaah sendiri
01:34:49	Perancangan tanah kosong	Untuk memperluaskan kawasan pondok Hidayah
<b>Bahagian 6: Harapan Pondok Hidayah</b>		
01:41:08	Harapan terhadap pondok Hidayah	Supaya pondok Hidayah maju dan mendapat sumbangan kerana tiada sumber pendapatan tetap untuk pondok
	Kewujudan pondok Hidayah	Semoga lebih ramai orang yang tahu tentang pondok Hidayah

## DIARI KAJIAN

Masa	Tarikh	Perkara	Tindakan
3.15 pm	29 Oktober 2018	Menelefon bahagian pengurusan (admin) Pondok Hidayah di Facebook. Panggilan dibuat bertujuan untuk memohon kebenaran menemuramah beliau. Admin facebook memberitahu bahawa bukan dia yang menjaga Pondok Hidayah II kerana dia hanya menjaga akaun Facebook sahaja. Jadi dia memberi nombor telefon Ustaz Ghazali iaitu Penyelia Pondok Hidayah II.	Membuat panggilan kepada bahagian pengurusan (admin) Pondok Hidayah di Facebook
2.26 pm	30 Oktober	Menelefon Ustaz Ghazali bin Isa untuk bertanya lebih lanjut tentang Pondok Hidayah II. Kemudian, selepas meminta kebenaran dengan Ustaz Ghazali, beliau memberikan kebenaran untuk menemuramah beliau tentang bangunan Pondok Hidayah II	
4.30 pm	30 Oktober	Menelefon Ustaz Ghazali sekali lagi untuk meminta kebenaran daripada beliau supaya berjumpa terlebih dahulu untuk memberikan segala bahan-bahan untuk ditemuramah supaya beliau	

		<p>lebih bersedia.</p> <p>Kemudian, beliau bersetuju untuk berjumpa keesokan harinya sebelum Asar.</p>	
9.30 am	31 Oktober	<p>Menelefon beliau untuk memaklumkan tentang temujanji pada petang itu</p> <p>Setelah berjumpa, Ustaz Ghazali diberi bahan-bahan yang akan ditemuramah dan menetapkan pertemuan sekali lagi pada keesokan harinya</p>	<p>Berbincang lebih lanjut tentang maklumat untuk menemuramah dan masa untuk menemuramah</p>
2.00 pm	1 November	<p>Setibanya di rumah Ustaz ghazali di Rumah imam Pondok Hidayah II, batu 30, 18500 Machang, Kelantan. Memulakan temubual pada jam 2.25pm. Temubual diadakan selama 1 jam 58 minit sehingga tibanya waktu Asar.</p>	



# **SOALAN TEMU RAMAH**

## Oral history

### **Seksyen A: Latar belakang**

1. Apakah nama Tuan?
2. Apakah nama panggilan Tuan?
3. Dimana tempat Tuan dilahirkan?
4. Pada tahun ke berapakah Tuan dilahirkan?
5. Di manakah Tuan dibesarkan?
6. Tuan tinggal dimana sekarang?
7. Apakah nama Tuan ibu Tuan?
8. Apakah nama bapa Tuan?
9. Tuan mempunyai berapa adik beradik?
10. Tuan anak yang ke berapa?
11. Apakah nama isteri Tuan?
12. Adakah isteri Tuan bekerja?
13. Tuan ada berapa orang anak?
14. Adakah anak-anak Tuan masih belajar?
15. Apakah harapan Tuan kepada anak-anak Tuan?

### **Seksyen B : Sejarah Pendidikan**

16. Dimanakah Tuan bersekolah rendah dahulu?
17. Pada tahun berapa Tuan tamat sekolah rendah?
18. Dimanakah Tuan bersekolah menengah?
19. Bilakah Tuan tamat sekolah menengah?
20. Adakah Tuan pernah menyertai mana-mana kelab dan persatuan?
21. Jawatan apakah yang Tuan pegang?
22. Apakah pencapaian tertinggi Tuan pada waktu sekolah?
23. Adakah Tuan aktif dalam bidang kokurikulum?

24. Adakah Tuan menyambung pengajian selepas tamat sekolah?
25. Dimanakah Tuan menyambung pengajian tersebut?
26. Apakah kursus yang Tuan ambil waktu pengajian?
27. Pada tahun berapakah Tuan bergraduasi?
28. Apakah kenangan manis ketika Tuan belajar?
29. Apakah yang mendorong Tuan untuk menyambung pengajian?
30. Apakah rahasia kejayaan Tuan?
31. Apakah Tuan berniat untuk menyambung pengajian Tuan selepas ini?

### **Seksyen B : Kerjaya Terkini**

32. Siapakah Idola/Tokoh yang Tuan minati?
33. Mengapakah Tuan menjadi tokoh tersebut sebagai idola Tuan?
34. Apakah pekerjaan Tuan pada masa kini?
35. Di manakah Tuan bekerja sekarang?
36. Apakah jawatan yang Tuan pegang?
37. Bilakah Tuan bekerja di sana?
38. Adakah Tuan berasa seronok di teoat kerja Tuan?
39. Berapa lamakah Tuan berkhidmat di tempat pekerjaan Tuan?
40. Adakah Tuan mempunyai kerja lain selain dari jawatan terkini?
41. Bagaimanakah Tuan boleh terlibat dengan pengurusan Al-Hidayah ini?

### **Seksyen C : Maklumat Bangunan**

42. Pada tahun bilakah pondok Al-Hidayah ini ditubuhkan?
43. Mengapakah pondok Al-Hidayah ini ditubuhkan?
44. Siapakah pengasas pondok Al-Hidayah?
45. Adakah pondok Al-Hidayah mempunyai penaung?
46. Bagaimana idea tertubuhnya pondok Al-Hidayah ini?
47. Bilakah pondok Al-Hidayah ini dirasmikan?

48. Siapakah yang telah merasmikan pondok Al-Hidayah itu?
49. Bagaimanakah pondok Al-Hidayah ini direka bentuk?
50. Adakah pondok Al-Hidayah ini mempunyai idea rekaan yang tersendiri?
51. Apakah jenis keselamatan yang ada di pondok Al-Hidayah (e.g : pemadam api, pili bomba dll)
52. Bagaimanakah penerimaan penduduk setempat terhadap Al-Hidayah?
53. Apakah objektif penubuhan Al-Hidayah?
54. Apakah misi dan visi penubuhan pondok Al-Hidayah?
55. Apakah konsep pondok Al-Hidayah?
56. Pernahkah Pondok Al-Hidaya ini bertukar milik?
57. Adakah Tuan orang yang pertama menjaga Pondok Al-Hidayah?
58. Pernahkah Pondok Al-Hidayah ini elakukan sebarang pembaikan?
59. Berapa ramaikah penghuni pondok Al-Hidayah ini?
60. Pernahkah pondok Al-Hidayah menerima sebarang bantuan dari pihak luar:
61. Apakah bentuk sumbangan yang pernah diterima dari Al-Hidayah?
62. Adakah penduduk Al-Hidayah perlu mengeluarkan sebarang pembayaran atau tinggal secara percuma?
63. Adakah warga emas yang mendiami Pondok Al-Hidayah mempunyai tempoh/had masa berada di sini?
64. Adakah orang luar mengetahui bahawa adanya pondok Al-Hidayah di sini?
65. Berapakah bilangan penghuni lelaki di pondok Al-Hidayah ini?
66. Berapakah bilangan penghuni wanita di pondok Al-Hidayah ini?
67. Berapakah jumlah pondok (rumah) Al-Hidayah?
68. Berapakah besarkah keluasan tanah Al-Hidayah ini?
69. Adakah Pondok Al-Hidayah mempunyai Ibu Pejabat?
70. Adakah ianya berdekatan dengan kawasan pondok Al-Hidayah itu sendiri?
71. Mengapakah pondok Al-Hidayah dibina disini?

72. sebelum pondok Al-Hidayah ini ditubuhkan, apakah yang ada di atas tanah ini (e.g : lembah, kebun buah dll)
73. Mengapakah tanah ini terpilih untuk menubuhkan Al-Hidayah?
74. Sudah berapa lamakah Pondok Al-Hidayah ini beroperasi?
75. Mengapakah pondok Al-Hidayah ini dibina berasaskan kayu?
76. Berapa lamakah ia mengambil masa untuk Pondok Al-Hidayah ini terbina/siap sepenuhnya?
77. Sepanjang terbinanya Pondok Al-Hidayah ini, apakah adanya tragedi/kejadian yang berlaku?
78. Pernahkah pondok Al-Hidayah mengalami sebarang bencana ? (e.g : banjir 2014)
79. Bagaimanakah pihak Al-Hidayah mengatasi masalah tersebut?
80. Mengapakah pondok Al-Hidayah ini dibina sebagai pondok dan bukannya bangunan?
81. Adakah setiap pondok ini diberi kelengkapan yang cukup (e.g : tandas, bilik, katil)
82. Pondok Al-Hidayah mempunyai berapa orang pekerja?
83. Adakah mereka mempunyai tugas-tugas yang berlainan?
84. Adakah pekerja yang akan menguruskan segala permasalahan yang dialami oleh warga emas”?
85. Siapakah yang menguruskan segala kerosakan di pondok Al-Hidayah? (e.g : kebocoran paip, kerosakan atap)
86. Adakah pondok Al-Hidayah mempunyai cawangan dan berapa ?
87. Di manakah cawangan pondok Al-Hidayah itu?
88. Adakah tempat tinggal lelaki dan wanita ditempatkan berasingan?

## **Seksyen D : Pesanan dan Harapan**

89. Apakah harapan Tuan terhadap Pondok Al-Hidayah?
90. Adakah Tuan berharap orang akan lebih mengetahui / ambil tahu tentang kewujudan pondok Al-Hidayah ini?
91. Adakah Tuan berharap Pondok Al-Hidayah bertambah cawangan?
92. Adakah Tuan mempunyai sebarang pesanan untuk orang di luar sana terhadap pondok Al-Hidayah?

# **BERSAMA TOKOH**



**Gambar 1 Bergambar bersama (dari kiri) Siti Arifah, Ustaz Ghazali, Alia Edira**



**Gambar 2 Bergambar bersama (dari kiri) Siti Arifah, Ustaz Ghazali, Alia Edira**



# **SURAT PERJANJIAN**



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ..... Pada .....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui ..... oleh kedua pihak yang berkenaan

Pengkisah (Tokoh)

01/12/11 11/11/11

PI:Ntf-LIA pCNDot #OAYAf 1[

.....

Prof. Madya Dr. Hj. Ghazali Osman,

Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti  
Sains Pentadbiran dan Pengajian Palisi  
& Fakulti Undang-Undang  
UiTM Cawangan Kelantan  
Kampus Machang

## BAHAGIAN 1

Berikut adalah wawancara secara lisan mengenai latar belakang dan sejarah tentang bangunan Pondok Al-Hidayah yang merupakan Rumah penjagaan orang-orang tua yang bertempat di Batu 30, Machang, Kelantan. Bersama-sama kami yang berbahagia .....USTAZ GHAZALI..... Yang merupakan pengurus Pondok Al-Hidayah. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 1 November 2018 bersamaan hari Khamis pada pukul.....2:25PM..... dan bertempat di Pondok Al-Hidayah, Machang, Kelantan. Wawancara ini dikendalikan oleh Tengku Alia Edira binti Tuan Mohamad Azhan dan Siti Nor Arifah binti Abd Halim. Dengan secara hormatnya wawancara ini dimulakan.

- 2 -

Dengan ini tamatlah wawancara dengan pengurus Pondok Al-Hidayah. Terima kasih di atas kerjasama yang di berikan oleh .....USTAZ GHAZALI.....

TAMAT

# INDEKS

A	
Ahmad mahmud	N
ahli jawatankuasa	NGO
arab	
ajk	O
	objektif
B	
bangunan	P
biodata	pengalaman
	pendidikan
	penyelia
D	pejabat tanah
diari	pegawai daerah Tanah Merah
	pemadam api
E	pendakwah
ekar	pondok Hidayah I
	Pondok Hidayah II
G	Pondok Sungai Durian
Ghazali	perlindungan
H	
harapan	S
	sejarah
I	solat
isu	SUK
induk	Syria
J	
Jajahan Machang	T
	Tanah Merah
	tasawwuf
L	tauhid
log	Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz
K	
kelamin	U
kerjaya	ustaz
Khairat kematian	usuluddin
M	
Machang	W
maklumat bangunan	warga emas
misi	